

Perlindungan mampu milik untuk setiap keluarga.



Kehidupan ini penuh dengan ketidakpastian, namun melindungi orang-orang tersayang tidak seharusnya diabaikan. Dengan **Zurich Tenang Care**, anda kini boleh menikmati ketenangan minda serendah RM33 setahun. Pelan perlindungan takaful kumpulan yang boleh diperbaharui pada setiap tahun ini menawarkan manfaat kematian dan kematian akibat kemalangan dengan penerimaan terjamin, tanpa perlu pemeriksaan kesihatan. Pilih daripada lima pelan berbeza yang memenuhi keperluan dan bajet anda. Sama ada anda baru membina kehidupan ataupun ingin mengukuhkan perlindungan keluarga anda, **Zurich Tenang Care** menjadikan perlindungan lebih mudah dimiliki.

Pelan yang Melindungi Anda dan Yang Tersayang



Perlindungan Komprehensif Mengikut Keperluan Anda

Perlindungan yang bukan sekadar melindungi anda. Ia melindungi apa yang paling penting bagi anda. Jika berlaku kematian sama ada secara semula jadi atau akibat kemalangan, orang yang tersayang akan menerima bayaran sekaligus untuk meringankan beban kewangan mereka. Di samping itu, pelan ini juga menawarkan manfaat kematian akibat kemalangan untuk salah seorang ahli keluarga anda, sama ada pasangan atau anak anda, sebagai bantuan untuk menghadapi ketidakpastian dalam kehidupan.

Sebab Kematian	Dari Tarikh Penguatkuasaan Sijil	Basic	Standard	Plus	Premium	Elite
Kematian (Sebab Semula Jadi)	Bulan Pertama – ke-4	Pemulangan caruman yang telah dibuat				
	Dari Bulan ke-5	RM10,000	RM15,000	RM20,000	RM30,000	RM40,000
Kematian Akibat Kemalangan	Dari Bulan Pertama	RM10,000	RM15,000	RM20,000	RM30,000	RM40,000
Kematian Akibat Kemalangan Dalam Pengangkutan Awam (Dibayar sebagai tambahan ke atas Manfaat Kematian)	Dari Bulan Pertama	RM10,000	RM15,000	RM20,000	RM30,000	RM40,000
Kematian Akibat Kemalangan kepada Ahli Keluarga	Dari Bulan Pertama	RM1,000	RM1,500	RM2,000	RM3,000	RM4,000

Nota: Manfaat Kematian Akibat Kemalangan kepada Ahli Keluarga, hanya terpakai untuk seorang (1) ahli keluarga Orang yang Dilindungi, untuk setiap Sijil dan hanya akan dibayar sekali dalam sepanjang hayat Orang yang Dilindungi.



Pemohonan Mudah dengan Penerimaan Terjamin

Dibuat khusus untuk mereka yang berumur 18 hingga 59 tahun dengan penerimaan terjamin tanpa pemeriksaan kesihatan. Proses permohonan adalah mudah dan ringkas. Perlindungan ini direka untuk melindungi agar anda boleh memberi tumpuan kepada perkara yang lebih penting.



Perlindungan Menepati Bajet Anda

Perlindungan yang sebenar seharusnya mampu dimiliki oleh semua orang. Dengan caruman yang mampu milik, pelan ini memberi perlindungan tanpa menjejaskan kedudukan kewangan anda. Anda boleh merujuk kepada jadual caruman berikut untuk ketahui butiran caruman tahunan.

Umur	Caruman Tahunan				
	Basic	Standard	Plus	Premium	Elite
18 hingga 40 tahun	RM33	RM50	RM66	RM99	RM132
41 hingga 50 tahun	RM69	RM104	RM138	RM207	RM276
51 hingga 59 tahun	RM173	RM260	RM346	RM519	RM692

Nota: Umur kemasukan melebihi 55 tahun adalah untuk kes pembaharuan sahaja.

Soalan-soalan Lazim

1 Apakah yuran dan caj untuk Zurich Tenang Care?

Yuran dan Caj	Penerangan
Yuran Wakalah	Yuran ini menampung perbelanjaan mengendalikan perniagaan takaful, termasuk upah kepada Perancang Kewangan kami.
Tabarru'	Caj Tabarru' adalah tidak dijamin dan berdasarkan kepada umur dicapai Orang yang Dilindungi pada hari lahir terakhir dan pelan yang dipilih.

2 Adakah caruman yang dibuat untuk pelan ini layak mendapat pelepasan cukai pendapatan?

Ya, caruman yang dibuat layak untuk pelepasan cukai peribadi, tertakluk pada keputusan mutlak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

3 Apakah pengecualian utama Zurich Tenang Care?

Zurich Tenang Care tidak melindungi perkara-perkara yang disenaraikan di bawah. Sila ambil perhatian bahawa senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil untuk senarai komprehensif.

Manfaat Kematian

Tiada manfaat akan dibayar jika berlaku kematian akibat bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada Tarikh Berkuat kuasa Sijil Takaful Orang Yang Dilindungi. Liabiliti Kami adalah terhad kepada pulangan Caruman yang dibuat, tolak sebarang terutang kepada Kami.

Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Dalam Pengangkutan Awam / Manfaat Kematian Akibat Kemalangan kepada Ahli Keluarga

Tiada manfaat yang akan dibayar untuk mana-mana kematian akibat kemalangan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, daripada mana-mana satu (1) kejadian berikut:

- pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau melawan penangkapan;
- hernia, ptomaina atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogenik yang berlaku dengan dan melalui suatu luka atau kecederaan kemalangan);
- memasuki, mengendalikan atau memberi servis, naik atau turun dari atau dengan mana-mana peranti atau pengangkutan udara kecuali semasa Orang Yang Dilindungi berada dalam pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersial pada perjalanan berjadual tetap melalui laluan penumpang yang biasa atau pada satu penerbangan komersial tidak berjadual atau pengangkutan udara tentera.

Nota Penting

- Zurich Takaful Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Zurich Takaful Malaysia Berhad diwajibkan mematuhi sepenuhnya syarat-syarat dan peraturan Syariah.
- Ini adalah produk Takaful, direka seiring dengan prinsip-prinsip Syariah.
- Anda mempunyai tempoh ihsan selama 31 hari dari tarikh akhir caruman untuk mencarum kepada Sijil. Jika tiada caruman dibuat dalam tempoh tersebut, Sijil anda akan luput. Namun, Sijil akan kekal berkuat kuasa dalam tempoh ihsan tersebut.
- Anda boleh membatalkan Sijil anda pada bila-bila masa. Tiada nilai tunai akan dikembalikan dan perlindungan akan diteruskan sehingga akhir tempoh perlindungan atau tarikh akhir bayaran caruman yang seterusnya. Kemudian, Sijil tersebut akan ditamatkan.
- Semua caruman dan caj yang dibuat untuk manfaat ini tertakluk pada cukai atau levi kerajaan yang lain.
- Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan caruman yang dibuat ke atas Sijil ini adalah jumlah yang anda mampu.
- Jika Sijil ini dibatalkan dalam tempoh bertenang 15 hari dari tarikh penghantaran dokumen Sijil anda, semua jumlah caruman yang telah dibuat akan dipulangkan semula, ditolak sebarang bayaran perubatan yang dikenakan.
- Tempoh menunggu hanya terpakai pada permulaan sijil dan tidak pada pembaharuan.
- Maklumat yang terkandung di dalam risalah ini mungkin boleh berubah tanpa diberi notis terlebih dahulu.
- Versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau kekaburan yang timbul daripada penterjemahan kepada Bahasa Malaysia.
- Risalah ini hanya mengandungi penerangan ringkas mengenai produk dan ianya tidak lengkap. Anda disarankan untuk membacanya beserta dengan Lampiran Pendedahan Produk untuk ketahui lebih lanjut tentang produk. Untuk penjelasan lengkap tentang manfaat, pengecualian, terma dan syarat, sila rujuk kepada Sijil Takaful. Sebagai alternatif, anda juga boleh hubungi Perantara Kewangan kami untuk maklumat lanjut.

Manfaat-manfaat yang dibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk brosur TIP PIDM atau hubungi Zurich Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Untuk maklumat lanjut dan bantuan tentang **Zurich Tenang Care**, sila hubungi **Pusat Panggilan Zurich** di talian **1300-888-622** atau e-mel kami di callcentre@zurich.com.my